

Peranan dan Cabaran Wanita dalam Pembangunan Produk Makanan Tradisional untuk Program Keusahawanan Pelancongan Berasaskan Komuniti: Kajian Kes Lembah Lenggong, Perak Darul Ridzuan

The Role and Challenges of Women in the Development of Traditional Food Product for Community-Based Tourism Entrepreneurship: Case Study in Lenggong Valley, Perak Darul Ridzuan

FATIMAH HASSAN^{1*}, MASTURA JAAFAR², NORZIANI DAHLAN^{3*}
& MOHD FAIZ HILMI³

¹Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang

²Pusat Pengajian Perancangan, Bangunan dan Perumahan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang

³Bahagian Pengurusan, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang

*Corresponding authors: hfatimah@usm.my, norziani@usm.my

Published online: 04 June 2021

To cite this article (APA): Fatimah, H., Mastura, J., Norziani, D., & Mohd Faiz, H. (2021). The Role and Challenges of Women in the Development of Traditional Food Product for Community-Based Tourism Entrepreneurship: Case Study in Lenggong Valley, Perak Darul Ridzuan. *GEOGRAFI*, 9(1), 1-23. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol9.1.1.2021>

ABSTRAK *Sumbangan golongan wanita kepada ekonomi rumahtangga, komuniti setempat dan pembangunan negara tidak boleh dipertikaikan lagi. Namun kesan sumbangan dan penglibatan ini boleh berubah mengikut lokasi. Artikel ini bertujuan untuk menentukan peranan dan cabaran golongan wanita luar bandar dalam pembangunan produk makanan traditional untuk pelancongan warisan di Lembah Lenggong, Perak Darul Ridzuan. Pembangunan produk makanan di bawah projek Warisan Dapur Komuniti Kampung Luat (WDKKL) ini adalah sebahagian daripada projek golongan wanita di bawah program keusahawanan pelancongan berasaskan komuniti atau community-based tourism entrepreneurship (CBTE). CBTE ini diperkenalkan dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan komuniti setempat ekoran daripada perolehan status Tapak Warisan Dunia UNESCO oleh Lembah Lenggong pada tahun 2012. Penemuan kajian mendapati antara peranan projek golongan wanita ini disamping penjanaan sumber pendapatan tambahan mereka termasuklah untuk pemeliharaan identiti setempat, penerokaan nilai sejarah serta budaya dan pemerkasaan pelancongan warisan Lembah Lenggong. Sementara cabaran yang di hadapi termasuklah kelemahan operasi pengendalian aktiviti, kekurangan penerapan amalan keusahawaan, kaedah pemasaran produk secara konvensional dan masalah pusingan modal. Pembangunan produk masakan tradisional sebegini adalah suatu inisiatif yang perlu dirangsang dan diperkuatkkan agar pelancongan warisan setempat dapat diperkasa dan penglibatan golongan wanita terutama di luar bandar dapat dipertingkatkan. Secara tidak langsung ia berupaya meningkatkan sumbangan golongan wanita kepada ekonomi rumahtangga, kepada komuniti setempat dan akhirnya kepada pembangunan pelancongan warisan peringkat tempatan dan kebangsaan.*

Kata kunci: penglibatan wanita, produk makanan tradisional, program keusahawanan pelancongan berdasarkan komuniti, Lembah Lenggong

ABSTRAK *The contribution of women to the household economy, local community and national development can no longer be disputed. However, the impact of these contributions and involvement can be varied by locations. This article aims to determine the role and challenges of rural women in the development of traditional food products for heritage tourism in Lenggong Valley, Perak Darul Ridzuan. The development of this food products is under the Kampung Luat Community Kitchen Heritage Project (WDKKL) which is part of a women's project with the community-based tourism enterprises (CBTE). This CBTE was introduced with the aim of increasing the income of the local community following the acquisition of UNESCO World Heritage Site status by Lenggong Valley in 2012. The findings of the study found that among the role of these women's project in addition to their income generation were preservation of local identity, exploration of historical and cultural values and empowerment of heritage tourism in Lenggong Valley. While the challenges faced include weaknesses in the operation activities, lack of entrepreneurial practices, conventional product marketing methods and capital turnover problems. Undeniably, the development of such traditional food products is an initiative that needs to be stimulated and strengthened so that local heritage tourism can be promoted, and the involvement of women can be expanded. Subsequently, it can increase the contribution of women to their household economy, to the local community and finally to the development of local and national heritage tourism.*

Keywords: women's role, traditional food products, community-based tourism entrepreneurship program, Lenggong Valley

1. PENGENALAN

Peranan dan sumbangan golongan wanita kepada masyarakat dalam menjana perkembangan ekonomi sesebuah negara perlu di lihat sebagai satu sumber manusia yang semakin dominan. Statistik terkini menunjukkan golongan wanita dalam dunia telah mencecah 49.5% daripada keseluruhan 7.8 billion penduduk dunia. Kajian oleh Organisasi Buruh Antarabangsa ke atas data untuk 84 buah negara mendapati sumbangan golongan wanita dalam Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (LFPR) telah meningkat kepada 52% pada 2019 (Gammarano, 2020) berbanding 48.5% pada 2018 (WESO, 2018). Sumbangan ini di dapati meningkat di wilayah Asia Tenggara sehingga 72%, wilayah Afrika Sub-Sahara (77%) dan Amerika Utara dan Eropah (78%). Sumbangan ini semakin meningkat apabila golongan wanita mula diberi peluang untuk memperoleh pendidikan terutama pada peringkat tinggi. Namun, peratusan ini di dapati berubah-ubah terutamanya apabila terdapat beberapa kekangan seperti situasi keluarga dan pemilikan anak (Azcona et al., 2019).

Golongan wanita juga turut terlibat dalam pembangunan ekonomi keluarga selain terlibat dalam arus pembangunan negara terutama bagi penglibatan kerjaya sama ada secara formal atau tidak formal. Menjana pendapatan secara formal dan

tidak formal ini boleh mencakupi pelbagai bidang sama ada profesional atau tidak profesional, tetap atau sementara dan boleh dilakukan di seluruh pelosok negara sama ada di bandar, pinggir bandar mahu pun luar bandar. Kajian oleh Roy et al. (2017) mendapati sumbangan wanita ini bukan sahaja mampu menjana ekonomi keluarga bahkan turut membantu memperbaiki status kehidupan keluarga mereka. Kajian mereka di luar bandar Bangladesh mendapati wanita berperanan sebagai penjana pendapatan melalui pelbagai kegiatan yang mereka ceburi seperti petani, penternak, penuaian tanaman, pengurus ternakan dan perikanan membolehkan mereka menyumbang sekitar purata hampir 44% daripada jumlah pendapatan tahunan isi rumah. Sementara kajian di Kanada oleh Grindstaff dan Trovato (1990) mendapati, secara purata wanita menyumbang 22% kedalam pendapatan tahunan keluarga dan ianya meningkat kepada 33% sekiranya wanita tersebut bekerja tetap. Seiring dengan sumbangan ini, maka kerajaan Malaysia sentiasa komited dan terus berusaha ke arah mencapai matlamat kesaksamaan gender (SDG 8) dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11). Hal ini menjadi semakin relevan dan kritikal berikutan perubahan semasa yang melanda negara dan dunia masa kini.

Majoriti daripada golongan wanita boleh bekerja bagi menampung keperluan keluarga sama ada di pasaran buruh, bersama komuniti atau secara bersendirian untuk menampung pendapatan isirumah yang rendah. Justeru itu, golongan wanita yang dahulunya adalah suri rumah, merasa kebertanggungjawaban untuk membantu suami yang mungkin terkesan dengan ekonomi semasa untuk menjana pendapatan semula atau menambah pendapatan sampingan demi kesejahteraan dan kesinambungan kehidupan harian dan masa depan keluarga. Hal ini adalah kerana wanita disifatkan sebagai tunjang kepada kestabilan keharmonian keluarga berdasarkan peranan mereka yang dinamik dan ‘multi-tasking’ iaitu berperanan sebagai pengurus rumahtangga disamping menyumbang kepada pendapatan keluarga dan negara.

Antara sektor yang menjadi penjana pendapatan utama untuk golongan wanita ialah sektor pelancongan. Menurut UNWTO (2019), sejumlah 54% daripada tenaga pekerja dalam sektor pelancongan terdiri daripada golongan wanita. Sektor pelancongan mempunyai pekerja wanita hampir dua kali ganda berbanding sektor lain, namun perwakilan mereka adalah tinggi dalam jenis pekerjaan di peringkat perkhidmatan dan perkeranian tetapi kurang diwakili di peringkat profesional. Hasil kajian UNWTO (2019) turut melaporkan bahawa golongan wanita dalam bidang pelancongan biasanya memperoleh pendapatan 10% hingga 15% lebih rendah daripada rakan lelaki mereka. Oleh itu, ramai golongan wanita disyorkan untuk menceburi bidang keusahawanan, kerana keusahawanan dalam bidang pelancongan memberi peluang untuk kesetaraan gender dan pemerkasaan wanita (UNWTO, 2019). Hasil keusahawanan mempunyai impak dan peranan yang besar dalam meningkatkan sosio-ekonomi komuniti terutama golongan wanita. Oleh itu, peranan kerajaan dan pihak berkepentingan amat penting dalam usaha untuk mendorong keusahawanan berasaskan pelancongan terutama di luar bandar.

Banyak kajian seperti Johnson (2010), Mgonja et al. (2015), Imbaya et al. (2019) dan Lee dan Jan (2019), telah menekankan pentingnya keusahawanan pelancongan dalam pembangunan komuniti luar bandar dan pembentukan program keusahawanan pelancongan berasaskan komuniti atau *community-based tourism entrepreneurship* (CBTE) ini. Walau bagaimanapun, beberapa kekangan dan cabaran dalam program keusahawanan komuniti perlu sentiasa di teliti agar usaha murni pihak kerajaan dan pihak berkepentingan sentiasa ditambah baik, dapat berjalan lancar dan berstatus mampan dalam meningkatkan sosio-ekonomi komuniti terutama golongan wanita setempat.

Justeru, artikel ini bertujuan untuk menentukan peranan dan cabaran golongan wanita luar bandar dalam pembangunan produk makanan tradisional untuk pelancongan warisan di Kampung Luat, Lembah Lenggong, Perak Darul Ridzuan. Projek berkaitan pembangunan produk makanan tradisional yang mendokong pelancongan warisan Lembah Lenggong di kenali sebagai projek Warisan Dapur Komuniti Kampung Luat (WDKKL) ini adalah sebahagian daripada program CBTE Kampung Luat. Bagi mencapai tujuan yang dinyatakan, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan rekabentuk kajian kes. Dapatan yang dilaporkan dalam artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan terhadap projek usahasama antara Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (*Northern Corridor Implementation Authority*, NCIA), Universiti Sains Malaysia (USM) dan beberapa agensi setempat yang berkaitan seperti pejabat penghulu, Majlis Daerah Lenggong, Pejabat Parlimen Lenggong dan ADUN Kota Tampan serta Koperasi Wawasan Kampung Luat (KWKL). Kampung Luat terpilih sebagai lokasi kajian kerana mempunyai komuniti aktif di bawah Jawatankuasa Kecil Kampung (JKKK) dan memiliki sebuah organisasi keusahawanan yang dikenali sebagai Koperasi Wawasan Kampung Luat (KWKL) yang terlibat dalam perniagaan seperti pengeluaran madu kelulut, penternakan rusa dan udang. Pada tahun 2017, kampung ini telah dinobatkan sebagai Kampung Wawasan Bestari oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia. Dapatan secara umum di peroleh melalui pendekatan kajian yang menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual tidak formal dan penyertaan libat sama. Penulisan ini turut menyumbang beberapa cadangan penambahbaikan pada masa akan datang bagi membantu mempertingkatkan penglibatan golongan wanita dan melonjakkan aktiviti keusahawanan mereka. Kajian ini tidak bertujuan untuk mengisi lompong ilmu dengan mencari penemuan baharu, tetapi menjurus ke arah menyampaikan maklumat pemantauan dan perkembangan projek supaya dapat ditambahbaikan dan keseinambungan aktiviti yang dirancang berjalan lancar dan mencapai matlamat pelaksanaan projek komuniti kepada pemegang taruh iaitu NCIA.

2. SOROTAN LITERATUR

2.1 Peranan Golongan Wanita

Keseluruhan penduduk wanita di Malaysia adalah berjumlah 17.5 juta pada tahun 2020, berbanding 15.7 juta pada tahun 2019. Jumlah ini mewakili hampir 51.8% daripada 33.8 juta keseluruhan penduduk Malaysia pada tahun 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Statistik ini menunjukkan pertama kalinya jumlah wanita mengatasi jumlah lelaki berbanding hanya 48.5% pada tahun 2019. Oleh itu golongan wanita perlu di lihat sebagai satu elemen yang semakin dominan dan boleh berperanan dan menyumbang kepada masyarakat dalam menjana perkembangan ekonomi negara. Berasaskan statistik Kadar Penyertaan Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, didapati sumbangan golongan wanita telah meningkat kepada 55.6% pada 2020 berbanding 55.2% pada 2019 dan 54.7% pada 2018 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Sumbangan wanita ini bukan sahaja mampu menjana ekonomi keluarga bahkan turut membantu membangun ekonomi dan menjana pendapatan negara dengan Anggaran Perolehan Pendapatan pada 2019 ialah RM35,506 berbanding RM33,264 pada 2018. Golongan wanita di Malaysia turut terlibat dalam arus pembangunan negara terutama bagi mereka yang berkerjaya sama ada secara formal atau tidak formal. Peranan wanita kini semakin luas mencakupi pelbagai bidang di seluruh pelosok negara sama ada di bandar, pinggir bandar mahu pun luar bandar.

Di Malaysia, golongan wanita mendapat peluang dan ruang yang sama untuk memajukan diri dan potensi masing-masing. Oleh itu, ramai golongan wanita kini mampu mencapai kejayaan cemerlang dan membangunkan potensi mereka ke tahap optimum bermula daripada peringkat sekolah, institut pengajian tinggi dan alam pekerjaan. Ramai daripada golongan wanita ini berupaya menggunakan masa harian secara efisien, menguruskan keupayaan dan tenaga dengan sempurna dan mementingkan produktiviti dalam menguruskan keutamaan sama ada di dalam kerjaya dan juga kehidupan peribadi. Justeru itu, pencapaian wanita dalam pelbagai bidang kini tidak lagi diragui. Penggunaan teknologi terkini memudahkan lagi penglibatan golongan wanita dalam pekerjaan sampingan, tanpa mengganggu tugas hakiki sebagai suri rumah. Majoriti daripada golongan wanita bekerja bagi menampung keperluan tenaga kerja di pasaran buruh; namun wanita daripada keluarga berpendapatan rendah bekerja atau melakukan pekerjaan sampingan untuk menampung pendapatan isirumah yang rendah. Kajian yang dilakukan oleh Suriati (2002) mendapati wanita yang berpendapatan rendah misalnya, termasuk ibu tunggal melakukan beberapa jenis pekerjaan sekaligus untuk menambah pendapatan bulanan. Suriati (2017) merumuskan sehingga kini, majoriti wanita telah melaksanakan dwi peranan dalam keluarga iaitu peranan produktif dan reproduktif sebagai kelangsungan kehidupan sendiri dan kelestarian institusi keluarga. Justeru itu, penglibatan wanita dalam membantu ekonomi keluarga dan negara di dapati

telah merentas pelbagai jenis sektor tanpa mengira sama ada dalam kawasan bandar maupun luar bandar.

Peranan wanita dalam sektor pelancongan didapati semakin meningkat dan signifikan. Sektor pelancongan mempunyai pekerja wanita hampir dua kali ganda berbanding sektor lain. Sejumlah 54% daripada pekerja sektor pelancongan terdiri daripada golongan wanita (UNWHO, 2019). Sektor pelancongan adalah satu sektor yang merangkumi pelbagai perkhidmatan dan melibatkan pelbagai cabang aktiviti yang berbeza. Antara contoh aktiviti yang melibatkan golongan wanita adalah seperti perkhidmatan hotel, resort dan chalet, makanan dan restoran, pemandu pelancong, pengangkutan dan telekomunikasi, aktiviti riadah atau rekreasi, persidangan dan forum, pertandingan sukan dan kebudayaan serta kewangan dan insurans. Penglibatan golongan wanita dalam industri ini juga merentas pelbagai jenis sektor pelancongan seperti agro-pelancongan (berkaitan kegiatan pertanian, contoh Cameron Highland), eko-pelancongan (berkaitan keindahan alam semulajadi, contoh Pulau Langkawi), pelancongan pendidikan, pelancongan kesihatan, pelancongan budaya dan warisan, pelancongan MICE (berasaskan persidangan, konvensyen dan pameran), pelancongan sukan dan rekreasi serta pelbagai jenis sektor lagi.

Pada peringkat dunia, walaupun kadar peratusan wanita yang bekerja dalam industri pelancongan adalah tinggi iaitu 54%, sementara untuk sektor perhotelan dan restoran pada sekitar 36.08%, namun perolehan pendapatan mereka adalah 14.7% lebih rendah daripada rakan lelaki mereka. Jenis pekerjaan yang diwakili wanita adalah dalam pekerjaan perkhidmatan peringkat rendah, pekerjaan sementara dan bermusim. Oleh itu situasi kerja mereka sentiasa tidak selamat, tidak selesa serta terdedah kepada ketidaksamaan peluang, kekerasan, eksloitasi, tekanan dan ganguan seksual (Hutchings et al., 2020). Golongan wanita di dapati kurang diwakili di peringkat profesional seperti pengurusan, pembuat dasar dan sebagai menteri. Hal ini di dapati ada kaitan dengan peranan gender mereka. Menurut Nor Hafizan (2015), golongan wanita didapati masih tidak terlibat secara aktif dalam industri hospitaliti dan pelancongan kerana faktor-faktor sosial, budaya dan adat tradisi. Namun sekiranya di beri peluang, golongan wanita dilihat memberikan komitmen yang tinggi walaupun bergerak di belakang tabir dan kurang menonjol di khalayak umum. Pernyataan ini dinyatakan Johan Afendi dan Mohamad Zaki (2009) dalam kajian inap desa Malaysia dan dipersetujui oleh Acharya dan Halpenny (2013) dalam kajian inap desa di Nepal. Justeru, wanita merupakan nadi atau tulang belakang bagi menggerakkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan berkaitan pelancongan yang mereka ceburi. Mereka turut menyumbang kepada pendapatan sampingan untuk keluarga (Nur Hafizah & Rahimah, 2010; Acharya & Halpenny, 2013; Mimoza & Biljana, 2018). Misalnya di Langkawi, Kumpulan Ekonomi Wanita yang ditubuhkan semenjak tahun 2004, telah memainkan peranan aktif dalam membantu komuniti nelayan setempat dengan mengendalikan pemprosesan ikan untuk dijadikan snek ringan daripada ikan bilis.

Hasil jualan mereka kepada pelancong ini sekali gus menjadi sumber pendapatan sampingan untuk keluarga mereka (Nur Hafizah & Rahimah, 2010). Ternyata, walaupun nilainya adalah sedikit, namun sumbangan golongan wanita ini amatlah bermakna dalam pembangunan ekonomi sesuatu kawasan tersebut.

Menurut Mimoza dan Biljana (2018), usahawan wanita telah diperakui berperanan sebagai penjana baharu pertumbuhan dan aktiviti ekonomi dinegara membangun kerana menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat walaupun mereka masih dikelaskan sebagai "sumber yang belum dimanfaatkan" (*untapped source*). Figueroa-Domecq et al. (2020) menjelaskan bahawa keusahawanan wanita dalam pelancongan didapati sangat mementingkan kesejahteraan komuniti dan penglibatan mereka dalam aktiviti komuniti adalah sebagai mencari sumber pendapatan secara langsung, mendapat kebebasan ekonomi dan untuk peningkatan status dalam komuniti mereka sendiri. Sehubungan dengan ini adalah wajar potensi wanita terutama usahawan wanita terus diglap dan ditonjolkan supaya sumbangan mereka boleh terus dihargai dan dimanfaatkan sepenuhnya.

2.2 Program Keusahawanan Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBTE).

Sebagai ahli dalam sesuatu komuniti, sumbangan golongan wanita terhadap program pelancongan berasaskan komuniti atau *Community Based Tourism* (CBT) sememangnya tidak dapat dipertikaikan. CBT merupakan suatu konsep yang mencerminkan kaedah alternatif untuk meningkatkan atau memaksimumkan keuntungan industri pelancongan disamping menyokong pembangunan dan pemberdayaan komuniti terutama dalam kawasan luar bandar (Kalsom, 2002). Hal ini adalah kerana pelancongan boleh dan sering dilihat oleh komuniti luar bandar sebagai sesuatu yang dapat memberi manfaat kepada kehidupan mereka. Walau bagaimanapun isu kurangnya penglibatan komuniti setempat dalam pembangunan pelancongan terutama pelancongan luar bandar sering dibincangkan (Kalsom, 2002; Tasici et al., 2014). Fatimah et al. (2021) mendapati bahawa budaya, polisi negeri dan negara, jaringan sosial, infrastruktur fizikal dan tahap interaksi sosial turut mempengaruhi tingkah laku keusahawanan dalam komuniti. Hakikatnya CBT ini adalah suatu strategi pembangunan yang cekap yang memanfaatkan kedudukan geografi, estetika sumber dan masyarakat yang wujud dalam kawasan luar bandar (Kalsom & Nur Farrah Ain, 2016). Menurut Mastura et al. (2014), keusahawanan di luar bandar biasanya berdasarkan komuniti, mempunyai hubungan keluarga yang kuat dan membawa kesan yang agak signifikan terhadap masyarakat luar bandar. Justeru itu, program keusahawanan berdasarkan komuniti sentiasa disyorkan penubuhannya dalam persekitaran luar bandar kerana komuniti yang dibina dengan asas dan persekitaran keusahawanan yang kuat akan dapat memberi tenaga tambahan kepada usahawan setempat.

Penglibatan komuniti merupakan pemangkin kepada kejayaan Program keusahawanan pelancongan berasaskan komuniti atau *Community Based Tourism*

Entrepreneurship (CBTE). CBTE berasal daripada konsep CBT yang melibatkan pembangunan keusahawanan misalnya keusahawanan pelancongan di Lembah Lenggong oleh Agensi Pelaksana Koridor Utara atau Northern Corridor Implementation Authority (NCIA). NCIA adalah pihak berkuasa yang mengendalikan pembangunan serantau dan bertanggungjawab merangka dasar dan strategi berkaitan pembangunan sosio-ekonomi dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Menurut Taylor (2017) dan Lee dan Jan (2019) kejayaan CBTE berkait rapat dengan tahap penglibatan komuniti kerana ia berdasarkan kepada pengiktirafan terhadap kepentingan pengetahuan budaya mereka dan kekayaan sumber semula jadi setempat. Hal ini adalah kerana antara matlamat CBTE adalah untuk memastikan komuniti tempatan mempunyai keupayaan untuk mengawal semua bidang kerja yang terdapat di kawasan setempat bagi memenuhi kepentingan ekonomi (Scheyvens, 2002). Dengan lain perkataan, CBTE adalah pemangkin kepada pembangunan pelancongan luar bandar (Norhafiza & Ku Azam, 2014). Justeru itu penglibatan komuniti dalam CBTE amat digalakkan namun pelaksanaannya begitu perlahan semenjak dua dekad yang lalu (Taylor, 2017; Lee & Jan, 2019). Antara alasan yang menyebabkan cabaran penglibatan dan penyertaan komuniti adalah seperti kurangnya pengetahuan terhadap pasaran, reka bentuk produk serta saluran maklumat, kemahiran pengurusan dan modal pelaburan yang terhad (Imbaya et al., 2019).

3. METODOLOGI

3.1 Kajian Kes Kampung Luat, Lembah Lenggong

Lembah Lenggong dipilih sebagai lokasi kajian kerana pengiktirafan yang diperolehinya daripada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai Tapak Warisan Dunia (TWD) pada 30 Jun 2012. Pengiktirafan ini menjadikan Lembah Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia yang ke-953 dan merupakan Tapak Warisan Dunia yang ke-4 di dalam Malaysia, selepas Bandaraya Bersejarah Melaka dan Georgetown, Taman Negara Gunung Mulu di Sarawak dan Taman Kinabalu di Sabah. Hal ini telah menjadikan Lembah Lenggong sebagai satu destinasi pelancongan di peta dunia berdasarkan penemuan arkeologi yang telah dibuktikan melalui kewujudan penempatan manusia prasejarah di Bukit Bunuh sejak 1.83 juta tahun dan penemuan "Perak Man" iaitu rangka manusia tertua, kira-kira 11,000 tahun yang lalu dalam Gua Gunung Runtuh pada tahun 1991. Lokasi Lembah Lenggong yang terletak di Hulu Perak ini menjadi tarikan pelancong kerana mempunyai banyak gua bersejarah yang merupakan kawasan tempat tinggal manusia prasejarah suatu ketika dahulu. Gua yang terkenal meliputi Gua Gunung Runtuh, Gua Kajang, Gua Puteri, Gua Ansar, Gua Harimau, Gua Telok Kelawar dan Gua Badak.

Selain daripada aktiviti pelancongan berasaskan sumber arkeologi atau pelancongan arkeologi (arkeo-pelancongan), pengisytiharan Lembah Lenggong sebagai sebuah TWD UNESCO ini juga telah membuka sejarah bagi Lembah Lenggong untuk menjadi sebuah destinasi pelancongan warisan luar bandar yang berpotensi. Hal ini adalah Lembah Lenggong juga kaya dengan pelbagai elemen tarikan warisan. Pelancongan warisan ialah satu bentuk pelancongan berasaskan elemen warisan, iaitu suatu perkara yang diwarisi secara turun temurun dari generasi dahulu sehingga ke generasi hari ini yang meliputi skop yang sangat luas merangkumi kepercayaan, pentadbiran, kesenian, makanan tradisional dan pelbagai lagi. Ringkasnya, pelancongan warisan merangkumi sebahagian daripada pelancongan budaya yang boleh menarik pelancong kesesuaian kawasan dan mengkomersialkan peristiwa atau aset masa lalu yang wujud dalam kawasan berkenaan.

Pilihan Lembah Lenggong sebagai kawasan kajian juga adalah bertujuan meningkatkan daya saing dan menonjolkan kelebihan yang dimilikinya. Lembah Lenggong yang terletak dalam kawasan luar bandar, wajar menonjolkan kelebihan warisan dan sejarah yang dimilikinya seperti keunikan rekabentuk binaan Masjid Yahya Ubudiyah dan Masjid Jame' Lenggong dan makanan tradisional penduduk setempat berketurunan Melayu Pattani. Lembah Lenggong juga dihuni komuniti Orang Asli masyarakat Lanoh diKampung Air Bah dan Kampung Lubok Chupak. Masyarakat orang asli ini merupakan salah satu sub-kumpulan Negrito yang kaya dengan gaya hidup dan budaya warisan material yang masih autentik (Fatan Hamamah et al., 2011). Sumber warisan seperti yang ditemui di Lembah Lenggong ini merupakan elemen "masa lampau" yang berupaya membuktikan kewujudan, kemegahan dan perkembangan ketamadunan sesuatu bangsa di sesuatu tempat atau negara.

Di Lembah Lenggong, program CBTE merupakan inisiatif untuk membangunkan perniagaan komuniti tempatan dengan mengubah gaya hidup sosio-ekonomi mereka. Tujuan penubuhan WDKKL ialah untuk menghasilkan dan memasarkan produk makanan tradisional Lembah Lenggong, menonjolkan makanan tradisional serta memperkasa pelancongan warisan Lembah Lenggong. Semenjak penubuhan WDKKL pada bulan Januari 2017, beberapa produk makanan tradisional Lembah Lenggong seperti Kebebe, Sambal Serai dan Ikan Pindang Lenggong dengan jenama '*Lenggong Delicious*' telah dihasil dan dipasarkan. Dalam menjayakan usaha ini, semua peserta wanita telah dibimbing dan diberi latihan untuk mengendali dan mengurus perniagaan komuniti dalam program CBTE ini.



Foto 1: Sebahagian komuniti wanita Kampung Luat yang menerajui Dapur Warisan

Sumber: Koleksi Penulis (2017)

Kesemua aktiviti mereka dijalankan dibengkel dapur warisan Kampung Luat. Lokasi asal WDKKL pada permulaannya adalah terletak di bangunan komuniti di Kampung Luat, namun selepas mendapat dana dan pertambahan peralatan yang diperlukan daripada pihak MARA, Jabatan Perikanan Negeri Perak dan Pejabat Ahli Parlimen Lenggong, pada tahun 2018, lokasi bengkel diubah ke bangunan baharu iaitu deretan bengkel usahawan Kampung Luat. Ruang yang selesa ini didedikasi khusus untuk aktiviti Dapur Warisan yang kian berkembang. Perubahan lokasi ini memberi kesan yang positif kepada pengurusan WDKKL kerana lebih luas dan mudah diuruskan secara fizikal. Pergerakan aktiviti dapat ditingkatkan dengan lebih aktif dalam melaksanakan kegiatan memasarkan produk seperti yang telah disarankan bagi meningkatkan prestasi keusahawanan.

3.2 Pengumpulan dan Analisis Data

Jadual 1 meringkaskan peringkat pelaksanaan projek CBTE ini serta kaedah penyelidikan yang dilakukan untuk perolehan maklumat. Pelaksanaan dan pembangunan projek CBTE ini melibatkan tiga fasa utama iaitu asas pembangunan projek, penghasilan produk dan pemasaran produk di pasaran. Pihak penyelidik telah mengadakan pemerhatian rapi sepanjang perjalanan projek terutama dalam masa Fasa 2 iaitu fasa pembangunan produk sehingga ke aktiviti pemasaran produk. Disamping pemerhatian, sesi penyertaan libat sama oleh penyelidik bersama peserta projek turut dijalankan. Antara penglibatan ini ialah pada aktiviti penyediaan bahan, aktiviti pembungkusan dan aktiviti penjualan produk di pasaran. Beberapa temu bual tidak formal dijalankan melalui sesi pertemuan dan mesyuarat khusus untuk perbincangan dengan peserta projek bagi memastikan perjalanan projek terurus dan lancar. Temu bual tidak formal tanpa menggunakan sebarang soal selidik dan tidak mempunyai soalan khusus terhadap beberapa peserta projek ini turut dilakukan semasa siri lawatan dan aktiviti pemantauan

bertujuan untuk mengukuhkan dapatan kajian ini semasa peringkat pelaksanaan projek dan selepas tamat Fasa 3.

Jadual 1. Peringkat pelaksanaan projek komuniti dan peringkat kajian

Fasa Program	Aktiviti	Tempoh	Kaedah Kajian
Fasa 1: Permulaan	i) Menandatangani perjanjian NCIA-USM. ii) Menandatangani Memorandum persefahaman USM-KWKL dan akur janji peserta. iii) Menyediakan persediaan untuk latihan (Pengajar dan pelatih, modul, serta tempat latihan). iv) Pemerolehan bahan dan peralatan.	Oktober 2016 – Disember 2016	Pemerhatian
Fasa2: Penghasilan, pembungkusan dan penjenamaan produk	i) Latihan pembangunan, pembungkusan dan penjenamaan produk ii) Pra pemasaran	Januari 2017 – Februari 2017 Februari 2017 – Mac 2017	Pemerhatian Penyertaan Libat sama
Fasa 3: Pemasaran, penyelidikan dan pembangunan (R&D) produk dan kelestarian perniagaan	i) Pemasaran ii) Penambahbaikan produk melalui R&D bersama pemegang taruh iii) Penyediaan rancangan perniagaan	April 2017 – Sept 2018	Pemerhatian Penyertaan Libat sama Temubual tidak formal
Pemasaran kendiri	Pemasaran kendiri tanpa biaya penganjur demi kelestarian perniagaan	2018 – 2020	Penyertaan Libat sama Temubual tidak formal

Sumber: Ubah suai dari Mastura Jaafar (2018)

Kesemua pendekatan kajian ini dilakukan terhadap 20 peserta projek yang berumur di antara 22 hingga 65 tahun. Mereka terdiri daripada suri rumah sepenuh masa dan yang menjalankan aktiviti bermiaga secara kecil-kecilan untuk menambah pendapatan keluarga. Penglibatan mereka dalam projek CBTE ini adalah secara sukarela dan kehadiran mereka semasa kaedah pemerhatian dan penyertaan libat sama dilaksanakan adalah tidak menyeluruh. Hal ini menyebabkan perolehan dapatan kajian adalah bersifat umum. Beberapa siri latihan perniagaan yang merangkumi penjenamaan dan pemasaran produk oleh peserta projek turut dilaksanakan bagi memastikan projek CBTE ini berjalan lancar. Antara siri jualan yang mendapat sambutan ialah di Karnival Makanan Tradisional Perak yang di adakan di Lenggong pada tahun 2017 dan 2018 serta aktiviti bengkel, seminar dan persidangan anjuran NCER, Institut Darul Ridzuan dan kerajaan negeri Perak sehingga tahun 2020. Lain-lain aktiviti jualan termasuk jualan di tapak pasar Lenggong, tapak pasar malam, tapak pasar tani serta perniagaan secara atas talian. Dapatan kajian ini adalah dalam bentuk laporan pemantauan yang bertujuan untuk mengetahui keberkesanan dan penambahbaikan perjalanan projek kepada NCIA sebagai pemegang taruh dan pembiaya projek. Sehubungan dengan ini kesahihan metodologi kajian secara ilmiah seperti kiraan kesahan dan kebolehpercayaan, taburan dan kualiti data, nilai dan jenis analisis tidak diberi penekanan dan perhatian serius semasa kajian dijalankan. Penyelidik turut memantau daripada masa kesemasa bermula 2018 sehingga awal tahun 2020 terhadap aktiviti dan proses pengeluaran serta aktiviti-aktiviti pemasaran yang diambil oleh peserta WDKKL supaya projek CBTE ini mencapai matlamat penubuhannya dan terus maju.

4. DAPATAN KAJIAN

Pelancongan berteraskan warisan telah ‘ditugaskan’ untuk menggerakkan sektor pelancongan agar lebih pesat membangun dan terus menyumbang kepada pendapatan negara (Siti Norsakira & Rosniza Aznie, 2018). Tarikan budaya dan keunikian warisan terutama yang bersifat autentik, unik dan asli mampu menarik lebih ramai pengunjung walaupun sekadar pelancongan domestik kerana kepelbagaian elemennya mampu mendidik dan meningkatkan pengetahuan dan pengalaman pelancong ketika menikmati atau mempelajari tentang masyarakat setempat seperti adat istiadat, budaya, bahasa, busana dan masakan tradisional. Sehubungan dengan ini, penglibatan golongan wanita dalam pembangunan pelancongan warisan berasaskan makanan tradisional di Lembah Lenggong amatlah relevan bagi membantu kejayaan industri pelancongan warisan setempat. Ternyata, penglibatan penduduk dalam pembangunan pelancongan warisan ini, terutama golongan wanita boleh membantu meningkatkan kualiti hidup dan menggalakkan pembangunan ekonomi kawasan. Peserta kajian ini terdiri daripada sekumpulan

wanita dari Kampung Luat, Lenggong yang telah menyedari kepentingan menonjolkan keunikan produk makanan tradisional mereka (Foto 1). Mereka telah menubuhkan Warisan Dapur Komuniti Kampung Luat (WDKKL) pada tahun 2017 di bawah pengurusan Koperasi Wawasan Kampung Luat dengan kerjasama penyelidik Kluster Pelancongan Lestari yang di biayai oleh Universiti Sains Malaysia dan Agensi Pelaksana Koridor Utara (NCIA). NCIA adalah di bawah naungan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang dibentuk oleh kerajaan pusat untuk menerajui dan merancakkan pembangunan ekonomi di wilayah utara Semenanjung Malaysia.

Makanan tradisional merupakan satu produk budaya tempatan yang berperanan dalam pengenalan identiti sesebuah masyarakat tempatan yang bergantung kepada nilai dan amalan tradisi yang masih dikekalkan dari satu generasi ke satu generasi. Produk makanan tradisional dipilih untuk mewakili khazanah warisan yang wujud di Lembah Lenggong kerana beberapa faktor. Faktor pertama adalah kerana terdapat pelbagai jenis makanan tradisional yang masih dikekalkan oleh komuniti tempatan di Lembah Lenggong seperti kebebe, ikan pindang, rendang pedas kulat sisir, gulai keladi kemahang, kerabu umbut kelapa sawit dan nasi daun lerek. Keunikan setiap jenis makanan tradisional ini terletak pada kegunaan sumber tumbuhan asli sebagai bahan utama dalam masakan serta cara penyediaan yang berbeza. Justeru itu, kesedapan makanan dan pengetahuan dalam penyediaan bahan ramuan dan cara penyediaan makanan tradisional ini perlu di ketengahkan untuk pengetahuan golongan muda dan generasi akan datang.

Faktor kedua adalah kerana masakan tradisional Lembah Lenggong yang boleh dianggap sebagai makanan warisan ini jarang sekali dilihat masyarakat luar mahupun tempatan, kecuali ketika adanya karnival atau pesta makanan tradisional. Sehingga kini karnival makanan tradisional Lenggong hanya dilaksanakan sekali setahun sahaja dengan jenama Pesta Makanan Tradisional Lenggong. Namun semenjak tahun 2018, ia telah dianjurkan bersama dengan elemen-elemen warisan yang lain dan semakin dikesampingkan. Walhal, kepelbagaiannya jenis makanan tradisional yang terdapat di Lembah Lenggong merupakan salah satu keunikan dan keistimewaan budaya masyarakat di sana yang boleh dijadikan salah satu produk pelancongan. Pada asasnya, warisan masakan Lenggong banyak dipengaruhi oleh penggunaan bahan tumbuhan semula jadi dan tempatan yang diperolehi di sekitar kampung. Pengetahuan tentang sesuatu makanan tradisional perlu dikekalkan sebagai satu warisan budaya di Lembah Lenggong memandangkan ia hanya popular dalam kalangan generasi tua dan mungkin akan hilang ditelan zaman. Makanan berkonsepkan tradisional atau warisan ini amat penting dipelihara kerana ia menyimpan maklumat mengenai identiti, sejarah, nilai hidup, adat resam dan alam sekitar setempat. Jikalau tiada pihak yang bertanggungjawab dalam usaha untuk mengetengahkan makanan istimewa ini, semakin lama ia akan semakin kurang atau terus lopus. Maka, kelangsungan memelihara makanan tradisional ini khasnya yang berasaskan sumber tumbuhan

semula jadi dalam mempelbagaikan jenis masakan perlu dikekalkan dan diteruskan sehingga ke generasi akan datang.

Faktor seterusnya ialah kerana makanan tradisional juga dilihat sebagai lambang identiti utama masyarakat Lenggong. Komuniti tempatan merasakan makanan di Lenggong istimewa kerana semuanya adalah hasil komuniti tempatan yang berketurunan Melayu Pattani dan dari sumber organik yang terdapat di persekitaran Banjaran Titiwangsa dan Banjaran Bintang Hijau serta sumber air dari Sungai Perak dan Tasik Raban. Walaupun makanan di Lenggong boleh didapati di tempat lain, namun mereka beranggapan cara penyediaan dan bahan-bahan yang digunakan membezakan makanan di Lenggong dengan makanan di tempat lain. Contohnya komuniti Lenggong beranggapan ikan pekasam Lenggong sangat istimewa sehingga dapat dieksport ke peringkat antarabangsa. Antara contoh makanan yang unik dan tidak boleh didapati di tempat lain ialah Ikan Cicah Air Kerabu, ikan Bloh Tok, kerabu Kebebe, Ikan Pindang dan Gulai Kemahang.

Aktiviti utama WDKKL ialah menghasilkan produk makanan tradisional berasaskan sumber tempatan iaitu Ikan Pindang Lenggong, Kerabu Kebebe dan Sambal Serai (Foto 2). Penghasilan produk ini adalah untuk pasaran luar secara normal dan sejuk beku. Kesemua makanan ini adalah produk yang amat popular dan mendapat permintaan yang menggalakkan daripada pelanggan terutama semasa jualan di Karnival Makanan Tradisional Perak yang di adakan di Lenggong setiap tahun. Ikan Pindang merupakan sejenis makanan yang biasa didengar oleh masyarakat luar, namun Ikan Pindang Lenggong adalah berbeza kerana makanannya adalah tidak berkuah dan dikukus. Ikan yang digunakan akan disaluti oleh hasil tumbukan halus ramuan seperti kunyit, lengkuas, serai, bawang, cili padi, belimbing buluh dan daun kesum. Ikan ini kemudiannya dibungkus dengan daun senia (yang juga boleh dimakan) sebelum dikukus hingga masak. Masyarakat Lenggong kerap menggunakan ikan darat yang diperolehi daripada Tasik Raban dan Sungai Perak sebagai ramuan utama masakan ikan pindang yang menjadi makanan tradisi masyarakat Pattani Lenggong. Kebebe merupakan sejenis makanan seperti kerabu yang sangat janggal didengar oleh masyarakat luar. Masakan ini menggabungkan beberapa bahan seperti pisang, nangka muda, nenas, cermai, belimbing buluh, jambu batu, kelompong, buah cedong dan kelapa muda. Semua bahan ditumbuk bersama cili serta belacan, dan dihidangkan di atas kelopak jantung pisang serta boleh dimakan sebagai makanan ringan. Sambal Serai pula merupakan sejenis masakan yang mudah dihasilkan tetapi meninggalkan kesan lazat berpanjangan. Sambal serai sangat sedap dan amat mudah untuk disediakan. Bahan utama iaitu serai, yang boleh diperolehi disekeliling rumah penduduk tempatan Lenggong. Ketika menyediakannya, serai yang digunakan perlu diracik halus dan ditumbuk bersama-sama cili kering, udang kering dan belacan yang kemudiannya digoreng hingga masak dan menjadi kering.



Foto 2: Produk makanan yang diusahakan oleh WDKKL

Selain menonjolkan makanan tradisional sebagai identiti warisan Lembah Lenggong, projek ini juga menjadi sumber daya tarikan pelancongan dan menjana ekonomi penduduk setempat. Projek ini juga membantu komuniti tempatan terutama dari golongan wanita yang hanya menjadi suri rumah sepenuh masa melibatkan diri dan seterusnya mendapat manfaat sosial dan ekonomi yang maksimum. Penubuhan WDKKL mampu memberi perspektif dan nafas baru kepada industri pembuatan makanan di Lembah Lenggong. Pemuliharaan dan pemeliharaan sumber warisan semula jadi Lembah Lenggong ini sangat penting untuk memelihara makanan tradisional yang kini semakin dilupakan generasi baru.

Dapatan kajian kes untuk penulisan ini diperoleh hasil gabungan beberapa pendekatan metodologi seperti pemerhatian, penyertaan libat sama dan temubual tidak formal yang dilakukan oleh penyelidik-penyalidik semasa terlibat dalam pengurusan projek CBTE bermula 2016 hingga 2018.

5. PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Sepertimana yang dimaklumkan sebelum ini, dapatan kajian yang dibincangkan adalah sebahagian daripada kandungan laporan pemantuan dan kemajuan projek yang di khususkan untuk pembiaya projek CBTE ini. Namun begitu, dapatan ini berpotensi diketengahkan sebagai panduan kepada pihak yang berkaitan dan berminat dengan program pembangunan komuniti terutama dalam kawasan luar bandar mendapat pengetahuan berdasarkan pengalaman yang di peroleh penyelidik-penyalidik yang terlibat. Hal ini adalah kerana proses penonjolan produk makanan traditional sebagai produk pelancongan budaya memerlukan sokongan semua pihak. Antara usaha yang dikenal pasti dan berkesan ialah didikan kepada masyarakat tempatan dan pelancong luar untuk mengenali dan mempelajari tentang pemuliharan warisan budaya yang berdasarkan produk makanan. Walaupun pada hakikatnya projek makanan tradisional ini masih berada pada

peringkat mikro serta kecil sumbangan keuntungan dan rendah tahap pengeluarannya, namun sumbangannya kepada pembangunan kawasan serta prospek untuk menambah nilai pengiktirafan Lembah Lenggong sebagai TWD-UNESCO adalah amat signifikan.

Beberapa kepentingan dan peranan yang dapat disumbangkan oleh projek WDKKL terhadap warisan budaya amnya dan pelancongan warisan khususnya termasuklah sebagai kaedah pemeliharaan dan penonjolan identiti setempat mereka sendiri. Pemerhatian mendapat aktiviti WDKKL ini telah berjaya menaiktaraf produk makanan tradisional yang hampir pupus iaitu Kebebe, Sambal Serai dan Ikan Pindang Lenggong untuk tujuan mengembalikan populariti dan identiti setempat. Sekiranya makanan ini boleh dikomersialkan dan dihebahkan sebagai berpotensi serta mempunyai khasiat kesihatan yang tinggi, adalah tidak mustahil ianya akan kembali popular dan digemari penduduk setempat mahupun pelancong. Komuniti setempat dan masyarakat tempatan Lenggong, terutamanya golongan wanita dalam program CBTE ini di dapati amat berbangga dengan makanan ini dan sedang berusaha untuk mempatenkan produk ini supaya ianya menjadi satu identiti kebanggaan penduduk berasaskan tarikan dan nilai warisan yang tinggi.

Dapatan kajian juga mendapati, kewujudan projek CBTE ini berupaya menyumbang ke arah peningkatan elemen penyelidikan sejarah dan budaya negara. Misalnya, berasaskan pengetahuan dan amalan tempatan mengenai proses memasak dan penyediaan makanan tradisional boleh menyumbang kepada penyelidikan sejarah, budaya dan kelestarian alam sekitar. Perkaitan aktiviti ini dalam kalangan wanita tempatan akan dikaitkan dengan asal usul dan sejarah penubuhan petempatan awal dan penghijrahan penduduk dari Patani, Thailand. Walaupun dapatan ini merupakan dapatan umum, dapatan kajian dan penerbitan yang berkONSEPkan pemeliharaan kearifan tempatan kini semakin diberi keutamaan kerana kelebihan tersendiri yang dapat dipamerkan dan dikongsi ramai. Kajian berunsurkan tradisi, sejarah dan warisan ini perlu diberi perhatian bertujuan untuk penghayatan dan pengekalan budaya tradisional kepada generasi baru dan luar yang moden.

Justeru itu, dapatlah dinyatakan bahawa, kewujudan projek CBTE yang dijalankan oleh golongan wanita dalam aktiviti WDKKL ini boleh berperanan dan memperkasa pelancongan warisan di Lembah Lenggong ini. Bengkel lokasi aktiviti WDKKL ini boleh disenaraikan antara tarikan yang mesti di lawati dalam trail pakej pelancongan warisan komuniti Lembah Lenggong, tarikan ke daerah Hulu Perak dan negeri Perak amnya. Aktiviti di bengkel ini boleh berperanan sebagai lokasi perolehan pengetahuan dan penambahan ilmu bagi mereka yang berminat. Lain-lain tarikan dalam kawasan Kampung Luat ialah lawatan ke tempat ternakan kelulut, udang, rusa, pembuatan makanan ringan desa, kraftangan berasaskan kayu serta melawat di sekeliling Tasek Sendahulu. Hal ini adalah kerana Lembah Lenggong sedang berusaha meningkatkan aktiviti pelancongan dengan konsep-konsep lain selain pelancongan arkeologi seperti pelancongan tani, pelancongan

ekologi, pelancongan luar bandar dan sebagainya kerana kelebihan sumber yang di miliki oleh kawasan persekitaran.

Aktiviti yang dijalankan oleh WDKKL ini didapati telah berupaya menjana kewangan kepada golongan wanita yang terlibat walaupun pada kadar yang rendah. Penemuan kajian mendapati, penggunaan perolehan kewangan daripada aktiviti jualan produk makanan ini telah dijadikan modal pusingan dan membayar kos pengurusan aktiviti. Lebihan pendapatan telah diagihkan kepada peserta WDKKL mengikut masa kehadiran ke bengkel sebagai sumber pendapatan sampingan setiap peserta. Jumlah pendapatan projek adalah tidak menentu kerana tertakluk kepada permintaan. Pada musim-musim tertentu seperti cuti sekolah dan cuti perayaan dan sekiranya terdapat anjuran pesta atau festival di sekitar kawasan Lembah Lenggong dan Kuala Kangsar, jualan mereka mampu menccah RM4,000 sebulan.

Dapatan kajian turut mengesahkan beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek ini iaitu yang melibatkan aktiviti pengurusan dan pengeluaran serta pemasaran. Menurut Lee dan Jan (2019), seharusnya kelemahan ini diambil iktibar kerana ia memberi impak dan menurut Imbaya et al. (2019) dan Mgonja et al. (2015), ianya perlu segera ditanggani agar penambahbaikan dan masa depan lebih terancang dan terurus. Pemerhatian mendapati cara pengendalian dalam pengurusan projek oleh peserta WDKKL ini tidak mengikuti sistem perniagaan komersial kontemporari iaitu sistem pembahagian tugas. Peserta diagihkan kerja mengikut jumlah peserta yang hadir pada hari berkenaan dan jenis kerja yang dilakukan tertakluk kepada keperluan hari berkenaan. Hal ini adalah kerana penawaran produk mereka adalah mengikut permintaan yang tidak menentu. Ada ketikanya permintaan yang diperolehi amat tinggi seperti musim cuti sekolah serta perayaan dan sebaliknya ada juga waktu yang mereka kurang permintaan seperti pada bulan puasa. Jumlah permintaan ini juga turut mempengaruhi masa bekerja peserta pada setiap hari. Sehubungan dengan ini, wujud masalah di mana peserta hadir tanpa melakukan sebarang tugas; walaubagaimanapun mereka masih dibayar upah kerana kehadiran ke bengkel. Oleh itu, satu sistem pembahagian kerja wajib dilaksanakan berasaskan keperluan pengeluaran bagi memastikan perancangan dan pengurusan aktiviti dapat dilakukan dengan lancar. Selain itu, struktur organisasi perlu jelas supaya tidak berlakunya pertindihan tugas dan aktiviti yang dilakukan berjalan dengan berkesan. Struktur organisasi yang jelas serta pengalaman dan ilmu pengurusan perniagaan akan mengurangkan kebergantungan peserta kepada pihak pembiaya iaitu NCIA dalam meningkatkan permintaan dan pasaran produk mereka. Mereka dinasihatkan melantik penasihat industri bagi menjamin pengurusan dan pengendalian urus tadbir terbaik.

Selain daripada itu, amalan keusahawanan yang diamalkan oleh peserta wanita didapati berada pada tahap yang sangat lemah. Kurangnya pendidikan berkaitan keusahawanan serta pendidikan formal menyebabkan peserta WDKKL ini memiliki sifat malu dan rendah diri untuk memajukan diri. Budaya kehidupan luar bandar menghadkan peserta dengan penambahan pengetahuan melalui pembacaan dan ini

menghadkan semangat memajukan diri dalam kalangan peserta projek. Mereka terikat dengan sikap takut mengambil risiko, berpersepsi barang tidak terjual, takut dikritik dan diketawakan oleh masyarakat sekiranya mereka menerokai pasaran luar. Oleh itu, satu anjakan paradigma atau kursus motivasi perlu dilakukan untuk mengubah persepsi negatif dan menerapkan amalan operasi terbaik dalam rutin kerja harian. Kemahiran menggunakan aplikasi teknologi mudah alih wajar juga diterapkan agar amalan keusahawanan mereka lebih terurus dan kualiti perkhidmatan serta produk yang dihasilkan lebih terjamin. Kursus, latihan dan bimbingan yang berterusan daripada pihak yang berkenaan seperti MARA, FAMA, RISDA, Pertubuhan Peladang Kawasan Lenggong dan Pusat Internet Desa perlu dilakukan secara berterusan untuk memupuk semangat keusahawanan peserta.

Sementara itu, masalah teknikal yang dikesan dalam aktiviti WDKKL ini ialah masalah perolehan sumber mentah, masalah pemasaran dan perolehan modal pusingan. Menurut Imbaya et al. (2019) dan Mgonja et al. (2015) kekurangan pengetahuan komuniti berkaitan pasaran, capaian maklumat yang terhad, kelemahan pengurusan dan modal pelaburan adalah antara cabaran utama kejayaan sesuatu projek CBTE. Pengurusan yang efisyen dan efektif akan memastikan penggunaan bahan mentah yang segar dan tersedia agar aktiviti WDKKL berjalan lancar. Namun, selepas satu tempoh pengeluaran, perolehan sumber mentah untuk aktiviti yang dijalankan telah menjadi semakin sukar dan pencarian bahan mentah perlu menjangkau jarak yang lebih jauh dan melibatkan kos yang tinggi. Bahan mentah yang dimaksudkan seperti serai, ikan segar, buah belimbing dan beberapa sumber tanaman lain. Oleh itu adalah kritikal untuk projek ini mempunyai pelan kontigensi supaya masalah perolehan sumber ini dapat di atasi. Peserta disarankan agar dapat mewujudkan ruang atau gunakan tanah terbiar disekitar bengkel dan sekitar kediaman peserta untuk digunakan sebagai lokasi penanaman tumbuhan herba dan perencah untuk produk makanan yang dikeluarkan. Penggunaan lokasi di sekitar Tasek Sendahulu yang berdekatan tapak bengkel sebagai tapak penanaman amat sesuai untuk dijadikan taman herba. Secara tidak lansung ianya dapat menjadi satu tarikan tambahan untuk menarik minat penduduk dan pelawat untuk mengenali jenis tumbuhan herba dari kawasan setempat.

Hasil kajian mendapati pemasaran dan promosi merupakan salah satu faktor terpenting dalam menjayakan projek WDKKL ini. Peserta projek didapati hanya bergantung kepada pasaran tempatan seperti pasar tani dan pekan sehari Lenggong sebagai lokasi jualan di samping pasaran hebahan mulut ke mulut. Peserta tidak menggunakan sebarang brosur atau laman web sendiri bagi membolehkan pembeli mendapatkan maklumat tentang produk yang dijual, dan melakukan tempahan terus untuk membeli secara dalam talian. Penjualan produk banyak bergantung kepada hebahan mulut ke mulut. Oleh itu peserta WDKKL digalakkan untuk mempelbagaikan keadah pemasaran mereka dan mengambil inisiatif mempromosi produk mereka. Selain daripada itu, mereka perlu mengambil inisiatif untuk

mendaftarkan perniagaan mereka dengan agensi-agensi kerajaan yang membantu industri kecil dan sederhana tempatan seperti Majlis Daerah Lenggong, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Pusat Transformasi Luar Bandar Lenggong (Mini RTC) dan Pusat Pengembangan Teknologi Produk Perikanan Lenggong serta Jabatan Warisan, UNESCO dan Tourism Malaysia untuk membantu promosi produk secara meluas. Peserta juga digalakkan untuk mencari peluang untuk menjadi pembekal makanan secara tetap bagi agensi swasta atau kerajaan dan menjadi peserta tetap untuk sebarang penganjuran festival atau pesta makanan di seluruh Malaysia. Lanjutan daripada perkembangan teknologi atas talian, mereka di sarankan untuk meluaskan kaedah pemasaran dengan menggunakan platform pemasaran terkenal di Malaysia seperti LAZADA dan SHOPEE. Sehubungan dengan ini, teknik pembungkusan yang digunakan perlu ditingkatkan agar sesuai dengan kaedah pemasaran yang dicadangkan. Untuk membantu mengatasi masalah ini, pihak WDKKL telah pun menerima bantuan daripada Jabatan Perikanan Negeri Perak dan hal ini sedang diambil tindakan dengan serta merta. Bagi mengatasi masalah kekurangan modal pusingan, golongan wanita yang menjadi peserta WDKKL dinasihatkan untuk mewujudkan kerjasama dengan agensi kerajaan yang dapat memberi modal pinjaman secara mikrokredit kepada individu seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, Tekun Nasional, MARA, Jabatan Pertanian dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Perak. Bagi memastikan projek memiliki jumlah pusingan modal yang mencukupi, peserta perlu melebarkan lagi pasaran dan meningkatkan produktiviti pengeluaran. Mempertingkatkan promosi melalui aplikasi mudah alih serta penggunaan e-pemasaran amatlah disarankan supaya permintaan mereka meningkat dan produk di ketahui masyarakat umum.

6. KESIMPULAN

Pembangunan projek seperti WDKKL di bawah program CBTE ini wajar dipergiatkan lagi kerana manfaatnya yang tidak ternilai kepada pembangunan wanita dan pembangunan komuniti setempat. Peserta WDKKL yang terdiri daripada golongan wanita tempatan membuktikan bahawa mereka berupaya melaksanakan satu projek untuk pelbagai matlamat walaupun pada kadar pengeluaran dan keuntungan yang rendah. Hal ini membuktikan bahawa golongan wanita yang bertindak sebagai serikandi negara, ibu, isteri dan usahawanita sekaligus berupaya memiliki kekuatan mental, emosi dan fizikal untuk menghadapi masa akan datang yang lebih mencabar. Golongan wanita yang menjadi peserta WDKKL, harus lebih peka dan berfikiran terbuka dalam melaksanakan aktiviti mereka agar lebih saing dan berdaya maju. Hal ini adalah kerana penglibatan mereka bukan sahaja kerana keinginan mereka menambahkan pendapatan keluarga, tetapi juga bertujuan menaiktarafkan produk makanan tradisional setempat kepada pasaran luar sama ada peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Dapatan

menunjukkan produk makanan tradisional yang ditonjolkan mereka telah ditingkatkan darjat dan mula di kenali oleh masyarakat luar. Produk hasil pengeluaran WDKKL ini berupaya menjadi sebahagian daripada elemen warisan dan budaya yang boleh melonjakkan pelancongan warisan Lenggong pada masa depan. Golongan wanita ini harus merasa bangga dan berusaha agar bengkel aktiviti WDKKL menjadi suatu tarikan pelancongan dan sekaligus meningkatkan jualan mereka di pasaran. Walaupun tahap pengeluaran aktiviti CBTE ini adalah terhad, projek ini diharap dapat menjadi sumber inspirasi kepada lain-lain komuniti setempat agar projek yang dirancang kekal berdaya saing dan memperoleh pendapatan tinggi. Sehubungan dengan ini segala cabaran yang dihadapi seperti kelemahan dalam pengurusan dan pemasaran serta masalah-masalah teknikal harus ditanggani secara rasional walaupun mengambil masa. Segala kelebihan yang dikesan harus dijadikan panduan sementara segala kelemahan dijadikan sempadan oleh agensi kerajaan dan swasta yang berminat dengan program pembangunan CBTE pada masa akan datang tanpa mengira lokasi muh pun jenis projek. Kelemahan kajian ini ialah pada kaedah penyelidikan yang umum, tidak secara ilmiah dan tiada perbandingan yang di buat dengan lain-lain projek CBTE anjuran NCIA seperti kepada golongan orang asli dan projek pertanian di Perak.

Projek yang dikaji dalam kajian ini boleh dilihat sebagai pemangkin dalam meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk wanita luar bandar melalui pelancongan dan ia merupakan satu pelaburan yang menguntungkan, berpotensi besar dan berdaya maju. Oleh itu projek ini seharusnya tidak dilihat sebagai produk yang hanya relevan di Lembah Lenggong sahaja, malah mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan berupaya mengubah taraf hidup masyarakat luar bandar jika kena pada teknik dan strategi yang tepat. Hal ini adalah selari dengan usaha kerajaan untuk menghapuskan masalah ketidak seimbangan pembangunan antara bandar dan luar bandar dan mencapai status negara pendapatan tinggi untuk seluruh penduduk Malaysia tanpa mengira lokasi. Kejayaan dan kegagalan pengendalian projek pembangunan komuniti seperti ini bergantung sepenuhnya kepada kesepakatan peserta dan inisiatif dengan kerjasama agensi-agensi luar yang terlibat. Walaupun pelbagai cabaran perlu ditempuh, kesemua peserta perlu peka dengan perubahan semasa dengan melakukan beberapa tindakan dan strategi yang sesuai bagi memastikan kelangsungan projek. Di akhir-akhir ini kemajuan teknologi menyebabkan garis sempadan antara kawasan semakin pudar namun kesedaran terhadap kelestarian budaya dan warisan lama semakin menyerlah, digarap dan dihayati oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira umur, bangsa atau jantina. Sehubungan dengan ini, pembangunan projek CBTE seumpama in wajar dipergiatkan lagi demi pembangunan komuniti setempat dan generasi akan datang.

7. PENGHARGAAN

Semua penulis menghargai bantuan penyelidikan yang dibiayai Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS 203.PJJAUH.6711749). Penulis juga menghargai kerjasama Warisan Dapur Komuniti Kampung Luat, Koperasi Wawasan Kampung Luat dan penyelidik-penyelidik dari Kluster Pelancongan Lestari USM serta kepada Universiti Sains Malaysia dan Agensi Pelaksana Koridor Utara (NCIA) kerana membantu perjalanan projek ini sehingga menghasilkan penerbitan ini.

Rujukan

- Acharya B. P., & Halpenny E. A. (2013) Homestays as an Alternative Tourism Product for Sustainable Community Development: A Case Study of WomenManaged Tourism Product in Rural Nepal, *Tourism Planning & Development*, 10:4, 367-387, DOI: 10.1080/21568316.2013.779313
- Azcona G., Bhatt A., Cole W., Gammarano R., & Kapsos, S. (2019). *A Spotlight on the SDG 8: The Impact of Marriage and Children on Labour Market Participation*. Report by UN Women and International Labour Organization (ILO). New York. <https://data.unwomen.org/sites/default/files/inline-files/Spotlight-goal8-spread.pdf>
- Fatan Hamamah, Y., Fatimah, H., & Zuraini Z. (2011). Venturing into Orang Asli heritage landscapes as new tourism resources in Lenggong, Perak. *Proceeding 2nd Regional Conference on Tourism Research 2011(RCTR 2011)*. Venturing into New Tourism Research. Universiti Sains Malaysia, Malaysia. 39 – 47.
- Fatimah, H., Norziani, D., Mohd Faiz, H., & Mastura, J. (2021). Understanding the Concept of Community-Based Entrepreneurship: A Systematic Review Approach, *Journal of Contemporary Issues in Business and Government*, 27 (2), 2817-2827.
- Figueredo-Domecq C., Jong, A. D., & Williams, A. M. (2020). Gender, tourism & entrepreneurship: A critical review. *Annals of Tourism Research*, Online First, <https://doi.org/10.1016/j.annals.2020.102980>.
- Gammarano R. (2020). Having kids sets back women's labour force participation more so than getting married. <https://data.unwomen.org/features/gendered-social-norms-continue-shape-labour-force-participation-new-data-show>.
- Grindstaff C.F., & Trovato, F. (1990). Junior partners: Women's contribution to family income in Canada. *Social Indicator Research*, 22, 229–253. <https://doi.org/10.1007/BF00301100>.

- Hutchings K., Moyle C.l., Chai A., , Garofano N., Moore S., (2020). Segregation of women in tourism employment in the APEC region. *Tourism Management Perspectives*, Online First, <https://doi.org/10.1016/j.tmp.2020.100655>.
- Imbaya, B. O., Nthiga, R. W., Sitati, N. W., & Lenaiyasa, P. (2019). Capacity building for inclusive growth in community-based tourism initiatives in Kenya. *Tourism Management Perspectives*, 30, 11-18.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). Penduduk dan Demografi <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=VUdaQ2tV> VjcwTEFUVWp5aTVQbjV1UT09.
- Johan Afendi, I., & Mohamad Zaki, A. (2009). Program Homestay Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi Luar Bandar, Kajian Kes: Negeri-Negeri Utara Semenanjung Malaysia. Prosiding PERKEM IV, 2, 227-242, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV) Memacu Pembangunan Ekonomi Dalam Ketidaktentuan Persekutuan Global Kuantan, Pahang, 2-4 Jun 2009 <http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemIV/PERKEM2009-2-19.pdf>.
- Johnson, P. A. (2010). Realizing rural community-based tourism development: Prospects for social economy enterprises. *Journal of rural and community development*, 5 (1), 150-162.
- Kalsom, K. (2002). Power, social exchanges and tourism in Langkawi: Rethinking resident perceptions. *International Journal of Tourism Research*, 4 (3), 171–191. <https://doi.org/10.1002/jtr.375>
- Kalsom, K., & Nur Farrah Ain, Z. (2016). Community-based tourism initiative in rural Malaysia: Is it a success? *International Review of Management and Marketing*, 6 (7), 242–249.
- Karabag, S. F. (2020). An unprecedented global crisis! the global, regional, national, political, economic and commercial impact of the coronavirus pandemic, *Journal of Applied Economics and Business Research*, 10 (1), 1-6. http://www.aebrjournal.org/uploads/6/6/2/2/6622240/joaebrmarch2020_1_6.pdf
- Lee, T. H., & Jan, F. H. (2019). Market segmentation based on the environmentally responsible behaviors of community-based tourists: Evidence from Taiwan's community-based destinations. *International Journal of Tourism Research*, 21 (3), 400-411.
- Mastura J., Norziani D., & Siti Asma, M. R. (2014). Local Community Entrepreneurship: A Case Study of the Lenggong Valley. *Asian Social Science*, 10 (10), 226-235.
- Mastura, J. (2018). *Merealisasikan keusahawanan: Pelaksanaan dan cabaran*. Penerbit USM, Pulau Pinang.
- Mgonja, J. T., Sirima, A., Backman, K. F., & Backman, S. J. (2015). Cultural community-based tourism in Tanzania: Lessons learned and way forward. *Development Southern Africa*, 32 (3), 377–391.

- Mimoza S., & Biljana P. (2018). Female Entrepreneurship in Tourism: A Strategic Management Perspective in Macedonia. *Journal of Applied Economics and Business*, 6 (1), 21 – 32.
- Norhafiza, M. S., & Ku Azam, T. L. (2014). Entrepreneurship as a catalyst for rural tourism development. Presented at the 4th International Conference on Tourism Research (4ICTR), Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. SHS Web of Conferences, 12, <https://doi.org/10.1051/shsconf/20141201087>.
- Nor Hafizan, H. S. (2015). Stereotaip Gender dan Pekerjaan Wanita Dalam Sektor Perhotelan Di Pulau Langkawi, Kedah. Tesis (Sarjana), Tidak Diterbitkan. Universiti Sains Malaysia (USM).
- http://eprints.usm.my/30184/1/NOR_HAFIZAN.pdf.
- Nur Hafizah. Y., & Rahimah, A. A. (2010). Kelestarian Langkawi Geopark: Penglibatan Komuniti Kuala Terian, Langkawi. *Akademika*, 78 (1), 95 – 101.
- Roy, P. K., Haque S., Jannat A., Ali M., Khan M. M. (2017). Contribution of women to household income and decision making in some selected areas of Mymensingh in Bangladesh. Available from: https://www.researchgate.net/publication/319018101_Contribution_of_women_to_household_income_and_decision_making_in_some_selected_areas_of_Mymensingh_in_Bangladesh [accessed May 20 2021].
- Scheyvens, R. (2002). *Tourism for Development: Empowering Communities*. Harlow: Pearson Education.
- Suriati, G. (2002). *Di Mana Mak, Ayah? Agihan Tugas Baru Kesan Baru Pemodenan dan Perindustrian*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Suriati, G. (2017). Transformasi Wanita Malaysia - Suatu Perspektif Geografi Budaya (Siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. September 2017
- Tasci, D. A., Croes, R., & Jorge, B. V. (2014). Rise and fall of community-based tourism- facilitators, inhibitors and outcomes. *Worldwide Hospitality and Tourism Themes*, 6 (3), 261-276.
- Taylor, S. R. (2017). Issues in measuring success in community-based Indigenous tourism: elites, kin groups, social capital, gender dynamics and income flows. *Journal of Sustainable Tourism*, 25 (3), 433 – 449.
- UNWTO - World Tourism Organization (2019). Global Report on Women in Tourism – Second Edition, UNWTO, Madrid, DOI: <https://doi.org/10.18111/9789284420384>.
- WESO -World Employment Social Outlook (2018). Trends for Women 2018. Global Snapshot International Labour Office. Geneva. https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---dcomm/---publ/documents/publication/wcms_619577.pdf